


BAB 7.0

RUMUSAN





7.0 RUMUSAN

Sebagai negara yang pesat membangun, selain daripada menfokuskan pembangunan di kawasan bandar, Malaysia giat dan komited dalam memastikan keseimbangan terutamanya dengan kawasan luar bandar. Berlandaskan keutamaan ini, pembangunan infrastruktur Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dibina bagi menghubungkan pusat petempatan di Pantai Timur dan Pantai Barat. Projek ECRL ini akan menjana limpahan manfaat hasil daripada pertumbuhan perindustrian, komersial dan pelancongan di sepanjang koridor ECRL dan kawasan tadahannya. Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah ECRL (PeGTaECRL) disediakan untuk memastikan perancangan pembangunan guna tanah yang simbiotik dan mampan bagi memanfaatkan faedah ECRL dengan kawasan tadahan perkhidmatannya.

PeGTaECRL merupakan pelan induk guna tanah bersepadu yang pertama seumpamanya di Malaysia bagi rangkaian perkhidmatan kereta api antara wilayah. Ia merangkumi perancangan guna tanah yang komprehensif selaras dengan pencapaian matlamat SDGs bagi kawasan sepanjang jajaran dan di sekitar stesen ECRL. Jarak keseluruhan ECRL adalah 665 km melibatkan empat (4) negeri dan 20 stesen yang terdiri dari wilayah Pantai Timur dan Pantai Barat. Strategi yang dicadangkan di dalam PeGTaECRL bakal menangani **lima (5) cabaran utama (CU)** serta **enam (6) peluang utama (PU)** iaitu:

CABARAN UTAMA PeGTaECRL

- 1 Pembangunan wilayah dan sosioekonomi
- 2 Aksesibiliti dan mobiliti penumpang dan logistik
- 3 Sumber ekonomi bagi kemudahan pasaran dan logistik
- 4 Penyelarasan penyediaan kemudahan dan operasi
- 5 Pengurusan impak sosial dan risiko geobencana

PELUANG UTAMA PeGTaECRL

- 1 Kepentingan pelabuhan dan ketersambungan ke perkhidmatan ECRL
- 2 Aglomerasi ekonomi Wilayah Pantai Timur
- 3 Pembangunan projek berimpak tinggi
- 4 Penyerakan tekanan pembangunan
- 5 Stesen ECRL dengan fungsi/ aktiviti khas
- 6 Pembangunan TOD dan COD bagi stesen ECRL utama





Berdasarkan cabaran dan peluang utama tersebut, kerangka PeGTaECRL telah dibentuk bagi menyelaraskan hala tuju dan pendekatan yang komprehensif. PeGTaECRL telah menggariskan tiga (3) teras perancangan yang membentuk 12 strategi perancangan dan 21 tindakan bagi mencapai:

MATLAMAT PeGTaECRL

“Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Merealisesi Potensi ECRL ke Arah Perubahan Guna Tanah Mampan bagi Meningkatkan Daya Saing Konurbasi Nasional di Peringkat Antarabangsa dan Memacu Pembangunan Wilayah Pantai Timur”

Melalui tiga (3) teras perancangan (TP), **Kesepaduan Perancangan Guna Tanah dan Perkhidmatan Wilayah, Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Wilayah dan Pengukuhan Kesalinghubungan, Mobiliti dan Infrastruktur Sokongan**, PeGTaECRL akan memperincikan strategi perancangan yang menyepadukan aspek perancangan guna tanah sekitar stesen. Ini termasuk aspek reka bentuk bandar, aksesibiliti, kemudahsampaian dan kesalinghubungan kepada stesen-stesen ECRL, perancangan *Transit Oriented Development* (TOD) dan *Cargo Oriented Development* (COD) serta kelengkapan infrastruktur sokongan secara amnya. PeGTaECRL bukan sahaja merangkumi perancangan guna tanah bagi perkhidmatan penumpang tetapi ia juga turut memberi penekanan kepada pengguna perkhidmatan kargo yang disediakan oleh ECRL melalui penerapan konsep COD pertama di Malaysia.


Selain daripada fungsi PeGTaECRL sebagai dokumen pelan perancangan bagi menyelaraskan pembangunan ECRL di kawasan tadahan perkhidmatannya, ia turut bertindak sebagai dokumen untuk memandu perancangan dan pelaburan.

IMPAK PeGTaECRL

PeGTaECRL akan memberikan impak positif dalam memperkukuhkan pembangunan di sepanjang koridor perkhidmatan ECRL. Berikut merupakan impak PeGTaECRL:


MOD SHIFT DARIPADA PeGTaECRL

Sasaran *modal split* **DENGAN TOD** bagi **keseluruhan stesen-stesen ECRL**




IMPAK PeGTaECRL

ANGGARAN PENINGKATAN PENDAPATAN PENENGAH PENDUDUK



Peningkatan minimum dan maksimum peratus pendapatan penengah penduduk mengikut stesen dan negeri di Wilayah Pantai Timur dan Negeri Selangor

ANGGARAN PERTUMBUHAN TAHUNAN KAWASAN KOMERSIAL DAN INDUSTRI




Purata kenaikan anggaran kawasan komersial dan industri mengikut negeri Wilayah Pantai Timur dan Selangor

PERATUSAN KENAIKAN KDNK


Impak Keseluruhan (KDNK) - Negara

Peringkat Pembinaan & Operasi (2020 – 2040)



MALAYSIA

Impak Keseluruhan (KDNK) - Negeri



PERKEMBANGAN SEKTOR PELANCONGAN SELEPAS PENGOPERASIAN ECRL

Pelancong Domestik



Pelancong Antarabangsa



Anggaran peratus kenaikan pertambahan pelawat domestik dan pelancong antarabangsa setelah adanya ECRL di Wilayah Pantai Timur dan negeri Selangor





PeGTaECRL adalah kerangka bagi memanfaatkan potensi dan faedah projek ECRL. Sumbangan ECRL dijangka menyumbang kepada impak positif terhadap ekonomi negara dengan mencatat peningkatan KDNK daripada RM1.34 trilion pada tahun 2020 menjadi RM1.38 trilion pada tahun 2040. Ekonomi negeri juga menerima kesan positif dengan catatan KDNK Negeri Tahun 2040 RM29.2 billion sehingga RM330.6 bilion. Peningkatan ekonomi ini disokong dengan pertumbuhan kawasan komersial, industri dan perumahan dengan penerapan pembangunan berkonsepkan pembangunan berorientasikan kargo (COD) dan pembangunan berorientasikan transit (TOD) di kawasan tadahan ECRL. Pengukuhan ekonomi ini juga dibantu dengan perkembangan sektor pelancongan yang dijangka bakal menarik pelancong domestik dan antarabangsa daripada 22.4 juta pelancong pada 2027 kepada 374.7 juta pelancong pada 2040.

Kesan peningkatan ekonomi ini akan juga dirasakan oleh masyarakat dengan peningkatan pendapatan. Anggaran peningkatan maksimum pendapatan penengah penduduk dijangka meningkat daripada RM3,983 kepada RM9,179. Selain daripada aspek ekonomi, ECRL membantu mengurangkan pelepasan karbon yang dijana oleh kenderaan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak dan musim perayaan. Anggaran peralihan mod pengangkutan kepada ECRL akan menjadi dua (2) kali ganda iaitu sebanyak 10% menjelang tahun 2040 (daripada 5% pada tahun 2022)

“PeGTaECRL: Penggerak Pembangunan Wilayah ke Arah Perubahan Guna Tanah Mampan”

7.1 OUTCOME PeGTaECRL


Berdasarkan kepada impak PeGTaECRL, kajian ini turut memperincikan *outcome* seperti berikut:

- 1 Menyelaras pembangunan kawasan TOD, perancangan dan tadahan bagi mengoptimumkan potensi ECRL.
- 2 Meningkatkan daya maju kawasan setempat serta peningkatan kepada sektor ekonomi komersial dan industri dengan perancangan yang mampan .
- 3 Peningkatan penggunaan perkhidmatan ECRL untuk penumpang dan kargo.
- 4 Peningkatan densiti penduduk dan pengurangan kadar kekosongan kawasan komersial dan industri dengan mengoptimumkan penggunaan tanah sekitar stesen ECRL.
- 5 Panduan perancangan, pelaburan serta pengurusan bagi agensi-agensi pelaksana dan para pelabur.



7.2 RINGKASAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Pelaksanaan bagi PeGTaECRL melibatkan tiga (3) fasa iaitu fasa 1 sehingga tahun 2025, fasa 2 sehingga tahun 2030 dan fasa 3 sehingga tahun 2040. Fasa-fasa ini akan menyokong dan pemangkin pembangunan untuk mencapai matlamat PeGTaECRL. Jumlah keseluruhan projek bagi Pelan Induk ini adalah 597 projek dengan jumlah kos keseluruhan projek melibatkan RM45.3 bilion. Bagi pemantauan dan penilaian, PeGTaECRL telah mengenal pasti 10 kementerian dan 18 agensi kerajaan peringkat persekutuan, negeri dan tempatan bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan di dalam PeGTaECRL dapat dilaksanakan. Berikut merupakan ringkasan bagi pengurusan dan pelaksanaan.



PeGTaECRL juga akan melibatkan perubahan kepada rancangan pemajuan yang perlu diselaraskan mengikut kepada cadangan-cadangan yang telah dikeluarkan di dalam Pelan Induk. Berikut merupakan senarai rancangan pemajuan yang telah dikenal pasti bagi pengubahan atau penggantian untuk tindakan PBT yang berkaitan. Sembilan (9) Rancangan Tempatan (RT) penggantian, sepuluh (10) RT pengubahan dan tiga (3) cadangan Rancangan Kawasan Khas. Selain daripada perubahan kepada rancangan pemajuan, PeGTaECRL juga akan memberi manfaat kepada PBT dengan penaiktarafan kepada Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran. Berikut merupakan senarai rancangan pemajuan yang terlibat bagi pengubahan dan penggantian serta senarai dua belas (12) PBT yang terlibat bagi penaiktarafan.



PENGUBAHAN/ PENGGANTIAN/ CADANGAN RANCANGAN PEMAJUAN, PENAIKTARAF PBT DAN KEPERLUAN KAJIAN SUSULAN

RANCANGAN TEMPATAN

10 Pengebuan

Kelantan
RT MPKB-BRI 2035
RT Jajahan Pasir Puteh 2035

Terengganu
RTD Kuala Terengganu 2035
RTD Dungun 2035
RTD Kemaman 2035

Pahang
RTD Kuantan 2035
RTD Bentong 2035

Selangor
RT MP Selayang 2030
RTD Hulu Selangor 2035
RT MP Klang 2035

9 Penggantian

Kelantan
RT MD Ketereh Perbandaran Islam 2035

Selangor
i. RT MD Kuala Selangor 2035

Kuala Lumpur
i. Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040
ii. Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040

Terengganu
RTD Besut 2035
RTD Setiu 2035
RT MD Marang 2035

Pahang
RT MD Maran 2035
RTD Temerloh 2035

RANCANGAN KAWASAN KHAS

3 Cadangan RKK

Terengganu - RKK Bukit Payong – Wakaf Tapai
Pahang - RKK Cerating – Cendur
Selangor - RKK Bandar Serendah

PENAIKTARAFAN PBT

4 Majlis Perbandaran ke Majlis Bandaraya

Kelantan MPKB-BRI	Terengganu MP Kemaman	Selangor MP Klang MP Selayang
-----------------------------	---------------------------------	--

8 Majlis Daerah ke Majlis Perbandaran

Kelantan MD Ketereh-PI MD Pasir Puteh MD Pasir Mas	Terengganu MD Besut MD Setiu MD Marang	Pahang MD Maran MD Pekan
--	--	---------------------------------------

KAJIAN SUSULAN

6 Kajian Kebolehlaksanaan (Feasibility Study) 1 Kajian Laluan Pengangkutan Awam

- i. Kajian Sambungan Laluan ECRL ke Thailand.
- ii. Kajian Laluan *Spurline* Tok Bali (ECERDC).
- iii. Kajian Pembangunan Hab Logistik.
- iv. Kajian Laluan Perhubungan Stesen ECRL Kuala Terengganu – Bukit Besar (Kerajaan Negeri Terengganu).
- v. Kajian Laluan *Spurline* Paya Besar – Tanjung Agas (Kerajaan Negeri Pahang).
- vi. Kajian Sambungan Laluan ECRL ke Pulau Carey (MOT).

- i. Kajian Bersepadu Laluan Pengangkutan Awam Stesen ECRL.



7.3 HALA TUJU / WAY FORWARD


Bagi memastikan PeGTaECRL ini dapat digunakan sebagai dokumen utama memandu perancangan dan pelaburan di sepanjang laluan ECRL ia perlu dibawa kepada beberapa peringkat iaitu:

- 01** MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN PEMBANGUNAN (JPP), PLANMALAYSIA DAN KPKT
- 02** PERBENTANGAN DAN KELULUSAN JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI (JPN)
- 03** PERBENTANGAN DAN KELUUSAN MAJLIS PERANCANGAN FIZIKAL NEGARA (MPFN)

PeGTaECRL akan diterjemahkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Negeri dan PBT bagi pengubahan atau penggantian RT dan mengintegrasikan cadangan-cadangan Pelan Induk ke dalam Rancangan Tempatan dan Pelan Induk ini juga akan turut digunakan sebagai dokumen rujukan oleh agensi dan pemegang taruh yang berkaitan bagi perancangan sekitar stesen ECRL serta boleh digunakan oleh MIDA atau agensi pelaburan Negeri sebagai dokumen untuk menarik pelabur bagi kawasan-kawasan yang berpotensi di sekitar stesen ECRL

Projek ECRL memberi pelbagai manfaat kepada penduduk terutama memendekkan masa perjalanan sekaligus meningkatkan tahap perhubungan di antara Wilayah Pantai Timur dan Pantai Barat. Selain itu, ia juga berpotensi untuk dihubungkan dengan wilayah dan kawasan koridor lain yang berpotensi bagi penyambungan laluan ECRL. **Rajah 7.1** merupakan cadangan sambungan jajaran yang perlu diambil kira bagi perhubungan masa hadapan.

Rajah 7.1: Cadangan Sambungan Jajaran ECRL yang Perlu Diambil Kira Bagi Perhubungan Masa Hadapan



SAMBUNGAN JAJARAN ECRL

- 01** **ECRL 2** Stesen ECRL P. Besar – Pekan – Mersing – Pelabuhan P. Gudang (RFN4) 300 km
- 02** **ECRL 3** Stesen ECRL P. Puteh – Kulim – Pulau Pinang (RFN4) 230 km
- 03** **ECRL 4** Stesen ECRL Kota Bharu – Bangkok (Thailand) 1,000 km

JAJARAN SISIHAN BAHARU

- 04** **SPURLINE 1** Stesen ECRL Pasir Puteh – Pelabuhan Tok Bali (ECERDC) 16 km
- 05** **SPURLINE 2** Stesen ECRL K. Terengganu – Bukit Besar (Kerajaan Negeri Terengganu) 14 km
- 06** **SPURLINE 3** Pelabuhan Klang (Barat) – Pelabuhan Pulau Carey (MOT) 12 km

Sumber: Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PeGTaECRL), 2023



7.4 RUMUSAN STRATEGI PEMBANGUNAN

Jadual 7.1: Senarai Strategi Perancangan dan Tindakan Bagi Teras Perancangan 1

TERAS PERANCANGAN 1: KESEPADUAN PERANCANGAN GUNA TANAH DAN PERKHIDMATAN WILAYAH		PERINCIAN
STRATEGI PERANCANGAN	TINDAKAN	
<p>S1-1: PERBANDARAN BAHARU TOD/ TAD</p> <p>Perancangan perbandaran baharu dan pembaharuan bandar dengan penumpuan kepada pembangunan berorientasikan transit (TOD) dan pembangunan berhampiran transit (TAD).</p>	<p>T1-1-1: Merancang guna tanah perbandaran stesen berpotensi secara optimum melalui pembangunan berorientasikan transit (TOD) dan intensiti pembangunan yang lebih tinggi.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Menggalakkan pembangunan perumahan, komersial dan pembangunan bercampur dengan intensiti tinggi berasaskan TOD di stesen ECRL dengan jenis (tipologi) T1 - Wilayah (Stesen ECRL Kota Bharu, Stesen ECRL KotasAS, Stesen ECRL ITT Gombak dan Stesen ECRL Jalan Kastam) Menggalakkan pembangunan perumahan, komersial dan pembangunan bercampur dengan intensiti sederhana tinggi berasaskan TOD di stesen ECRL dengan tipologi T2 - Bandar (Stesen ECRL Kuala Terengganu, Stesen ECRL Cherating dan Stesen ECRL Temerloh) Menggalakkan pembangunan perumahan dan komersial dengan intensiti sederhana berasaskan TOD di stesen ECRL dengan tipologi T3 - Sub Bandar / Aktiviti Khas (Stesen ECRL Jerteh, Stesen ECRL Dungun, Stesen ECRL Chukai, Stesen ECRL Paya Besar, Stesen ECRL Bentong, Stesen ECRL Puncak Alam dan Stesen ECRL Jalan Kastam) Menambah baik penyediaan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik, gas, telekomunikasi dan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan keutamaan pembangunan TOD sekitar stesen dan kawasan perancangan
	<p>T1-1-2: Menggalakkan pembangunan guna tanah perbandaran bersesuaian dengan potensi pembangunan berhampiran transit (TAD) dalam kawasan perancangan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Menggalakkan pembangunan perumahan dan komersial dengan intensiti sederhana dan rendah di kawasan perancangan stesen ECRL (Stesen ECRL Pasir Puteh (COD), Stesen ECRL Bandar Permaisuri, Stesen ECRL Kemasik, Stesen ECRL Kuantan Port City (COD), Stesen ECRL Maran dan Stesen ECRL Bandar Serendah (COD)) Menambah baik penyediaan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik, gas, telekomunikasi dan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan keutamaan pembangunan sekitar stesen dan kawasan perancangan
	<p>T1-1-3: Menggalakkan pembangunan perumahan mampu milik dan kemudahan sokongan di kawasan berhampiran stesen.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Mewujudkan kawasan perumahan baharu di sekitar stesen ECRL untuk pelbagai golongan penduduk Cadangan jenis perumahan seperti Rumah Teres 1 & 2 Tingkat serta rumah pangsapuri
<p>S1-2: PERANCANGAN COD DAN KAWASAN EKONOMI</p> <p>Pembangunan COD dengan perancangan guna tanah bersepadu bersama kawasan ekonomi utama perindustrian dan logistik.</p>	<p>T1-2-1: Menyediakan kemudahan sokongan aktiviti perkhidmatan kargo berhampiran stesen kargo dan di dalam kawasan perancangan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan kemudahan sokongan seperti hab logistik, pelabuhan darat atau terminal kenderaan berat di kawasan perindustrian terancang sedia ada dan masa hadapan. Menyediakan perkhidmatan sokongan dan kemudahan seperti rumah pekerja untuk kesesuaian pekerja industri di kawasan sekitar stesen kargo ECRL.



Jadual 7.1: Senarai Strategi Perancangan dan Tindakan Bagi Teras Perancangan 1 (sambungan)

TERAS PERANCANGAN 1: KESEPADUAN PERANCANGAN GUNA TANAH DAN PERKHIDMATAN WILAYAH		
STRATEGI PERANCANGAN	TINDAKAN	PERINCIAN
<p>S1-3: KAWALAN PEMBANGUNAN</p> <p>Kawalan perancangan guna tanah sekitar stesen ECRL di luar kawasan KSAS, CFS dan kawasan sensitif sosial.</p>	<p>T1-3-1: Mengawal penukaran aktiviti guna tanah terutama KSAS dan kawasan pertanian utama serta kawalan guna tanah di sepanjang jajaran ECRL.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menetapkan kawalan guna tanah yang ketat bagi guna tanah hutan, kawasan tanah tinggi dan pertanian utama dalam proses kelulusan pembangunan tanah di kawasan tadahan stesen ECRL. 2. Mengekalkan kawasan guna tanah hutan atau pertanian bagi memastikan keseimbangan alam semula jadi dan kepentingan pengkalan sumber makanan Negara. <ol style="list-style-type: none"> a) Stesen ECRL Kota Bharu - Pengkalan kawasan hijau bersempadan Sungai Kelantan b) Stesen ECRL Puncak Alam - Cadangan pengkalan Bukit Cherakah 3. Menyediakan kawalan di sepanjang koridor jajaran rel dengan penentuan zon penampakan guna sama.
<p>S1-3: KAWALAN PEMBANGUNAN</p> <p>Kawalan perancangan guna tanah sekitar stesen ECRL di luar kawasan KSAS, CFS dan kawasan sensitif sosial.</p>	<p>T1-3-2: Merancang guna tanah, rangkaian jalan dan kemudahan di sepanjang jajaran ECRL dengan mengambil kira kepentingan rangkaian ekologi CFS dan koridor hidupan liar dan petempatan Orang Asli.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan perancangan mitigasi koridor hidupan liar bagi kawasan yang merentasi rangkaian ekologi atau CFS <ol style="list-style-type: none"> a) Stesen ECRL Bandar Permaisuri 2. Memastikan pembangunan menitik beratkan kesejahteraan penduduk setempat termasuk penduduk orang asli.
<p>S1-4: PERANCANGAN REKA BENTUK BANDAR DAN PENGANGKUTAN ECRL</p> <p>Reka bentuk perbandaran baharu dengan karakter yang kukuh, berharmoni dengan persekitaran sedia ada, mesra pengguna dan berasaskan nilai-nilai sosiobudaya setempat.</p>	<p>T1-4-1: Mengalakkan <i>human scale development</i> terutama di kawasan TOD dan kawasan perancangan mengikut intensiti dan kawalan <i>plinth</i> yang bersesuaian berdasarkan panduan garis langit yang menghormati konteks setempat.</p> <p>T1-4-2: Menekankan orientasi, susun atur bangunan dan reka bentuk fasad bangunan dilengkapi <i>pedestrian linkages</i> yang menggalakkan aktiviti berjalan kaki dan ruang aktif.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Intensiti yang bersesuaian mengikut keperluan, fungsi dan kawasan tadahan setiap stesen. 2. <i>Plinth area</i> maksimum 60% bagi setiap pembangunan. 3. Panduan kawalan ketinggian bagi pembangunan sekitar stesen. 4. Susun atur pembangunan bersifat grid dengan kebolehcapaian yang tinggi dari satu bangunan ke bangunan yang lain 5. Penyediaan ruang-ruang pejalan kaki dan ruang awam yang aktif dan <i>vibrant</i> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menggalakkan penyediaan lorong antara bangunan atau <i>alley</i> yang selamat dan memudahkan pergerakan dalam bandar. 2. Galakan <i>pedestrian linkages</i> melalui bangunan selain perumahan. 3. Penyediaan <i>awning</i> di sepanjang ruang kaki lima berhadapan bangunan komersial. 4. Penggunaan bahan-bahan yang meningkatkan tahap <i>visibility</i> terutama pada bangunan komersial aras tanah 5. Perletakkan pintu masuk ke bangunan berhadapan dengan jalan dan laluan pejalan kaki



Jadual 7.1: Senarai Strategi Perancangan dan Tindakan Bagi Teras Perancangan 1 (*sambungan*)

TERAS PERANCANGAN 1: KESEPADUAN PERANCANGAN GUNA TANAH DAN PERKHIDMATAN WILAYAH		
STRATEGI PERANCANGAN	TINDAKAN	PERINCIAN
	<p>T1-4.3: Menjadikan nilai sosiobudaya setempat sebagai asas pertimbangan perancangan, pembangunan guna tanah dan reka bentuk</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyediaan Kajian Penilaian Impak Sosial kepada jajaran ECRL, pembangunan stesen dan kawasan TOD dengan memastikan penduduk setempat dilibatkan di dalam penyertaan awam. Aspek-aspek sensitif sosiobudaya seperti pampasan yang melibatkan masalah pemilihan tanah bagi lot-lot persendirian, kawalan pemilihan tanah rezab Melayu dan kemampuan penduduk menyertai pembangunan hartanah perlu diberi perhatian. Faedah projek juga mesti dapat dirasai oleh penduduk seperti penawaran peluang pekerjaan dan perniagaan di stesen dan kawasan TOD. 2. Penyediaan Panduan Reka Bentuk Bandar yang menerapkan elemen sosial dan budaya setempat seperti : <ol style="list-style-type: none"> a) Penggunaan motif tradisi setempat b) Penggunaan tulisan Jawi di atas papan tanda dan penunjuk arah c) Pengenalan koc berbeza jantina semasa waktu puncak untuk meningkatkan keselesaan penggunaan selaras dengan budaya Timur d) Penyediaan kemudahan beribadat yang selesa dan lengkap 3. Aktiviti persembahan kebudayaan terancang diadakan di stesen ECRL kepada pengunjung yang baharu turun dari keretapi manakala acara festival budaya negeri tahunan boleh juga diadakan dengan menjadikan TOD sebagai lokasi persembahan. 4. Perkhidmatan ECRL perlu meneliti keperluan sosiobudaya harian penduduk seperti tahap kesedaran perkhidmatan ECRL, penggunaan bahasa, kemampuan membeli tiket bagi perjalanan kerap, dan kaedah pembelian tiket yang mesra pengguna kurang literasi aplikasi atas talian.



Jadual 7.2: Senarai Strategi Perancangan dan Tindakan Bagi Teras Perancangan 2

STRATEGI PERANCANGAN	TINDAKAN	PERINCIAN
<p>S2-1: PENGUKUHAN EKONOMI KAWASAN PERTUMBUHAN SEDIA ADA</p> <p>Pengukuhan kawasan Nod Pembangunan ECER, Konurbasi Nasional, Konurbasi Timur dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP) RFN4 melalui pembangunan ekonomi berasaskan kluster dan fungsi ECRL.</p>	<p>T2-1-1: Mengukuhan kawasan Nod Pembangunan ECER (Nod 1: Zon Ekonomi Khas (SEZ) ECER, Nod 2: Pembangunan Rentas Sempadan, Nod 3: Segitiga Pembangunan Kuala Terengganu, Nod 6: Kawasan Pertumbuhan Pahang Barat dan Nod 7: DARA - Jengka) yang melibatkan kawasan tadahan beberapa stesen ECRL bagi memperkukuhkan lagi kawasan pertumbuhan wilayah.</p>	<p>1. Membangunkan stesen ECRL dan kawasan tadahannya mengikut kepentingan, fokus dan fungsi utama kepada kawasan Nod Pembangunan ECER yang disokong oleh pembangunan ECRL</p>
<p>S2-2: PENGUKUHAN SEKTOR PERINDUSTRIAN</p> <p>Pengukuhan sektor perindustrian supaya lebih kompetitif dan berdaya saing dengan mengambil kira potensi perkhidmatan pengangkutan ECRL.</p>	<p>T2-1-2: Meningkatkan pembangunan ekonomi di kawasan pembangunan Konurbasi Nasional, Konurbasi Timur dan Zon Promosi Pembangunan (ZPP) RFN4 (ZPP Kota Bharu, ZPP Kuala Terengganu dan ZPP Jerantut – Bandar Tun Abdul Razak (Maran) – Temerloh – Mentakab).</p> <p>T2-2-1: Mengoptimalkan penggunaan kawasan perindustrian sedia ada di dalam kawasan tadahan ECRL yang dilengkapi dengan kemudahan rangkaian jalan dan infrastruktur pengangkutan, kemudahan infrastruktur dan utiliti, dan kemudahan sokongan lain yang mencukupi dan efisien</p>	<p>1. Meningkatkan pembangunan ekonomi kawasan tadahan stesen ECRL yang terletak di kawasan Konurbasi dan ZPP RFN4 yang disokong oleh pembangunan ECRL</p> <p>1. Mengoptimalkan penggunaan kawasan perindustrian sedia ada dengan menambah baik kemudahan rangkaian jalan dan infrastruktur pengangkutan pintar yang menyeluruh dan efisien, kemudahan infrastruktur dan utiliti yang efisien dan mencukupi dan kemudahan sokongan lain.</p>
<p>T2-2-2: Meluaskan rantaian aktiviti industri hiliran dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Tradisional sedia ada berasaskan sumber tempatan ke tahap komersial dan bernilai tambah tinggi di kawasan tadahan stesen ECRL seperti keropok, songket, batik, ukiran kayu dan makanan sejuk beku melalui perkhidmatan pengedaran (<i>forwarding</i>) dan penghantaran barangan (<i>courier</i>).</p>	<p>T2-2-2: Meluaskan rantaian aktiviti industri hiliran dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) melalui perkhidmatan <i>forwarding</i> dan penghantaran barangan (<i>courier</i>) dengan menyediakan kemudahan Pusat Pengumpulan, Gudang Penyimpanan dan Pusat Pengedaran (<i>forwarding</i>).</p> <p>2. Menyediakan insentif dan inisiatif dalam bentuk kewangan, mesin atau peralatan berteknologi tinggi kepada usahawan tempatan bagi meningkatkan produktiviti produk.</p> <p>3. Menyediakan kursus, latihan teknikal atau khidmat nasihat kepada usahawan tempatan yang berminat dalam industri hiliran dan IKS.</p> <p>4. Menggalakkan pembangunan dan penyelidikan (R&D) bagi menghasilkan produk yang bermutu tinggi.</p>	<p>1. Menggalakkan rantaian Industri Hiliran dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) melalui perkhidmatan <i>forwarding</i> dan penghantaran barangan (<i>courier</i>) dengan menyediakan kemudahan Pusat Pengumpulan, Gudang Penyimpanan dan Pusat Pengedaran (<i>forwarding</i>).</p> <p>2. Menyediakan insentif dan inisiatif dalam bentuk kewangan, mesin atau peralatan berteknologi tinggi kepada usahawan tempatan bagi meningkatkan produktiviti produk.</p> <p>3. Menyediakan kursus, latihan teknikal atau khidmat nasihat kepada usahawan tempatan yang berminat dalam industri hiliran dan IKS.</p> <p>4. Menggalakkan pembangunan dan penyelidikan (R&D) bagi menghasilkan produk yang bermutu tinggi.</p>



Jadual 7.2: Senarai Strategi Perancangan dan Tindakan Bagi Teras Perancangan (*sambungan*)

STRATEGI PERANCANGAN	TINDAKAN	PERINCJIAN
<p>S2-3: PERKEMBANGAN RANCAK SEKTOR PERNIAGAAN DI KAWASAN PERANCANGAN ECRL</p> <p>Perkembangan sektor perniagaan dan perkhidmatan supaya lebih berdaya maju dan berdaya saing dengan mengambil kira kekuatan dan kepentingan Stesen ECRL.</p>	<p>T2-3.1: Mengukuhkan kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada di kawasan perancangan ECRL supaya lebih komprehensif dan berkualiti tinggi serta membangunkan kawasan perniagaan dan pembangunan baharu yang mengambil kira potensi perkhidmatan pengangkutan ECRL.</p>	<p>1. Mengukuhkan kawasan perniagaan dan perkhidmatan sedia ada di kawasan tadahan ECRL dengan menambah baik: a) Kemudahan rangkaian jalan dan infrastruktur pengangkutan pintar yang menyeluruh dan efisien; b) Kemudahan infrastruktur dan utiliti yang efisien dan mencukupi; dan c) Kemudahan sokongan yang mesra pengguna dan orang kelainan upaya (OKU)</p> <p>2. Meningkatkan kebolehpasaran produk tempatan di pasaran domestik dan antarabangsa dengan menggalakkan urusan perniagaan dalam talian elektronik rentas sempadan (E-Dagang) termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi, pemasaran, pembekalan atau penghantaran barangan atau perkhidmatan dengan menyediakan kemudahan perkhidmatan sokongan seperti jalur lebar berkelajuan tinggi, kursus, latihan atau program kepada usahawan tempatan dalam menggunakan E-Dagang sebagai medium untuk memasarkan produk dan bantuan atau skim kepada usahawan tempatan untuk beralih kepada khidmat digital</p> <p>3. Mengukuhkan kawasan perniagaan dan perkhidmatan mengikut keutamaan fungsi atau hierarki petempatan</p>
<p>S2-4: ECRL SEBAGAI MOD PENGANGKUTAN UTAMA SEKTOR PELANCONGAN</p> <p>Perkembangan sektor pelancongan dengan mengambil kira ECRL sebagai mod pengangkutan utama yang pantas dan selesa serta dilengkapi dengan rangkaian produk pelancongan yang pelbagai.</p>	<p>T2-4.1: Meningkatkan keupayaan sektor Pelancongan Wilayah Pantai Timur dan Negeri Selangor sebagai penjana ekonomi kawasan setempat dengan menjadikan pengangkutan ECRL sebagai mod pengangkutan utama untuk melancong dengan menawarkan pelbagai rangkaian produk di bawah <i>Rail Tourism</i> ECRL.</p>	<p>1. Meningkatkan promosi dan pemasaran produk pelancongan yang menarik dan berdaya saing dengan kelebihan perkhidmatan ECRL untuk perhubungan pantas dan selesa ke destinasi pelancongan</p> <p>2. Mempelbagaikan produk pelancongan berorientasikan perkhidmatan ECRL dengan menyediakan pakej yang pelbagai dan menarik</p> <p>3. Mengukuhkan kemudahan perkhidmatan, sokongan dan pengurusan bersepadu dengan menaik taraf kualiti produk pelancongan</p>



Jadual 7.3: Senarai Strategi Perancangan dan Tindakan Bagi Teras Perancangan 3

STRATEGI PERANCANGAN	TINDAKAN	PERINCIAN
<p>S3-1: AKSESIBILITI, MOBILITI DAN KETERSAMBUNGAN YANG KUKUH</p> <p>Pengukuhan tahap aksesibiliti untuk mobiliti setempat dan antara wilayah, dan ketersambungan ke kawasan stesen ECRL</p>	<p>T3-1.1: Meningkatkan keberkesanan infrastruktur pengangkutan antara stesen ECRL ke kawasan tadahan melalui cadangan penaiktarafan rangkaian jalan dan persimpangan dan cadangan jalan baharu.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan naik taraf jalan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Jalan persekutuan daripada jalan tunggal 2-lorong kepada jalan berkembar 4-lorong – Pelan Induk Rangkaian Jalan Raya (HNDP 2030). b) Cadangan naik taraf jalan persekutuan JKR. c) Cadangan naik taraf jalan akses dan persimpangan dari bandar dan pekan utama ke stesen ECRL. 2. Cadangan jalan baharu seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Jalan berkembar 4-lorong – Pelan Induk Rangkaian Jalan Raya (HNDP 2030). b) Jalan baharu projek JKR. c) Cadangan jalan dan persimpangan menghubungkan jalan sedia ada bagi memendekkan masa perjalanannya.
<p>S3-2: SISTEM PENGANGKUTAN BERSEPADU DAN KOMPREHENSIF</p> <p>Penyediaan sistem pengangkutan yang bersepadu, komprehensif dan pintar bagi kemudahan pengguna pengangkutan awam dan kemudahan logistik.</p>	<p>T3-2.1: Mengintegrasikan mod perkhidmatan pengangkutan awam (bas pengantara dan bas henti-henti) di antara stesen ECRL, Terminal Pengangkutan Awam atau hentian bas ke kawasan tadahan ECRL untuk meningkatkan pengguna/ sasaran modal split.</p> <p>T3-2.2: Merancang pembangunan di kawasan sekitar stesen kargo ECRL bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan kargo dan logistik ECRL (Pembangunan Berorientasikan Kargo (COD)).</p> <p>T3-2.3: Menggunakan sistem pengangkutan pintar seperti lampu isyarat pintar, aplikasi TLK pintar, kemudahan infrastruktur bagi kenderaan elektrik dan komponen pintar yang lain bagi memastikan kelancaran sistem perhubungan dan pengangkutan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu. 2. Cadangan laluan bas pengantara dari stesen ECRL ke kawasan tadahan perkhidmatan ECRL.. 3. Cadangan <i>Bus Rapid Transit (BRT)</i> dari Stesen ECRL Kuala Terengganu - Stesen BRT Shahbandar sepanjang 17 kilometer. 4. Cadangan menambah baik laluan bas berhenti-henti sedia ada dengan melalui stesen ECRL. 5. Cadangan tempat letak bas (TLB) untuk perletakan bas-bas persiaran bagi aktiviti pelancongan. 6. Cadangan hentian bas yang melibatkan cadangan penyediaan <i>'lay-by'</i> bagi hentian bas sedia ada dan cadangan tambahan hentian bas baru di lokasi yang sesuai dan strategik. 7. Cadangan integrasi perkhidmatan pengangkutan awam dari segi operasi. <ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan jajaran sisihan (<i>spurline</i>) dari Stesen ECRL ke Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu, KTM dan pelabuhan-pelabuhan utama. 2. Membangunkan hab logistik atau pelabuhan darat yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan perkhidmatan berteknologi tinggi. 3. Membangunkan hab pengumpulan hasil pertanian bagi menyokong pertanian tanah tinggi. 4. Cadangan pengukuhan kawasan industri sekitar stesen kargo. 1. Penggunaan sistem pengurusan lalu lintas pintar : (Lampu isyarat pintar, Pusat kawalan trafik berpusat, Aplikasi TLK pintar). 2. Penyediaan platform perkongsian data dan mobiliti digital dengan pemasangan panel paparan maklumat, pembangunan aplikasi mobiliti dan penggunaan sistem pembayaran elektronik bersepadu. 3. Menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik atau <i>Natural Gas Vehicles (NGV)</i> dengan penyediaan kemudahan infrastruktur dan pemberian insentif kepada pengguna jalan raya yang menggunakan kenderaan hijau.



Jadual 7.3: Senarai Strategi Perancangan dan Tindakan Bagi Teras Perancangan 3 (sambungan)

STRATEGI PERANCANGAN	TINDAKAN	PERINCIAN
<p>S3-3: RANGKAIAN PEJALAN KAKI DAN BASIKAL SALING BERHUBUNG</p> <p>Pewujudan rangkaian laluan pejalan kaki dan basikal yang saling berhubung, selamat dan inklusif.</p>	<p>T3-3-1: Menyediakan laluan pejalan kaki berhubung dan zon keutamaan pejalan kaki di dalam kawasan TOD serta laluan pejalan kaki dan basikal yang bersepadu dari kawasan pembangunan ke kawasan stesen ECRL.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Garis Panduan Umum Reka Bentuk Laluan Pejalan Kaki. 2. Garis Panduan Umum Reka Bentuk Laluan Pejalan Kaki baki Zon Keutamaan Pejalan Kaki dan Jalan Protokol. 3. Garis Panduan Umum Mobiliti Aktif.
<p>S3-4: KETERSEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI BAGI MEMANGKIN PEMBANGUNAN</p> <p>Kawasan sekitar stesen yang dilengkapi oleh kemudahan infrastruktur dan tersedia bagi merencanakan pembangunan.</p>	<p>T3-4-1: Menyediakan kemudahan utiliti dan infrastruktur termasuk infrastruktur mitigasi bencana di kawasan yang berisiko berhampiran stesen ECRL dan pembangunan sekitar.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan penyediaan dan penambahbaikan kemudahan infrastruktur (jalan raya, laluan pejalan kaki, laluan basikal, tempat letak kenderaan dan kemudahan sokongan lain) dan utiliti (bekalan air, bekalan elektrik, komunikasi dan perkhidmatan pembangunan) yang mematuhi keperluan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi teknikal. 2. Memastikan pembangunan ECRL tidak menjejaskan laluan kemudahan utiliti bawah tanah (kabel elektrik, paip air, kabel komunikasi, paip gas dan paip pembentungan), struktur (pencawang elektrik, takungan perkhidmatan air dan infrastruktur komunikasi) dan bekalan utiliti sedia ada. 3. Memastikan pengoperasian ECRL mengurangkan gangguan bunyi bising dan gegaran, seperti di SK Anak Ikan, SK Alor Keladi, SK Gombak Utara, Masjid Pak Madah dan Cai Fu Wang Ye Temple. 4. Memastikan pembangunan ECRL dan sekitar mematuhi piawaian ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya banjir lumpur disebabkan sistem peparitan. 5. Melaksanakan rancangan mitigasi banjir seperti tebatan banjir di kawasan berisiko banjir. 6. Menyediakan kawalan terperinci di kawasan berisiko bencana (banjir) seperti pelaksanaan kawalan ketinggian aras platform bagi pembangunan baru sebagai langkah mitigasi awal (Stesen ECRL Kota Bharu, Stesen ECRL Pasir Puteh, Stesen ECRL Jerneh, Stesen ECRL Bandar Permaisuri, Stesen ECRL Kuala Terengganu, Stesen ECRL Maran dan Stesen ECRL Temerloh). 7. Memastikan pematuhan had anjakan pembangunan terkini yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran di zon persisiran pantai bagi mengurangkan risiko ancaman geobencana (tsunami, kenaikan aras laut, banjir dan hakisan pantai) kawasan persisiran pantai. 8. Bencana-bencana lain juga perlu diberi perhatian, misalnya masalah jalan terputus/lencongan terlalu jauh, hakisan tanah dan masalah-masalah berkaitan dengan kesan pembinaan kepada persekitaran seperti, habuk dan pergerakan kenderaan berat. Langkah mitigasi perlu diberikan perhatian oleh penggerak projek.



Jadual 7.4: Senarai Pemboleh Daya Utama dan Perkaitan Dengan Strategi Perancangan

KATEGORI DAN PEMOLEH DAYA UTAMA		KOD STRATEGI TERLIBAT												
		S1-1	S1-2	S1-3	S1-4	S2-1	S2-2	S2-3	S2-4	S3-1	S3-2	S3-3	S3-4	
PEMBOLEH DAYA UTAMA: PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERDAYA LAKSANA														
EN-1	PERANCANGAN													
EN-1.1	MENANGKAT CADANGAN PeGTaECRL SEBAGAI PROJEK BERKEPENTINGAN NEGERI Projek-projek PeGTaECRL diangkat oleh Kerajaan Negeri (UPEN) sebagai projek berkepentingan negeri.	✓	✓											
EN-1.2	PENGUBAHAN / PENGANTIAN RANCANGAN TEMPATAN DAN RANCANGAN KAWASAN KHAS Melaksanakan proses Penggantian dan Pengubahanan RT dan penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dengan mengambil kira cadangan PeGTaECRL terutamanya bagi cadangan yang melibatkan perubahan guna tanah.	✓	✓	✓										
EN-1.3	PENYEDIAAN KAJIAN LANJUTAN Menyediakan kajian-kajian lanjutan seperti kajian kebolehlaksanaan, <i>economic and financial viability</i> khusus bagi pelaksanaan projek pembangunan TOD, TAD, COD di kawasan perancangan.		✓											
EN-1.4	PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI Penyediaan kemudahan jalan raya, infrastruktur dan fasiliti yang melibatkan tanah-tanah kerajaan di sekitar kawasan perancangan Pelan Induk ECRL perlu dilaksana oleh agensi dan jabatan berkaitan dan dipantau di peringkat negeri.									✓				
EN-1.5	PEMANTAUAN DAN PENGAWALAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menetapkan syara-syarat semasa proses permohonan pembangunan terutama terhadap pihak swasta bagi mengambil kira perancangan penyediaan kemudahan jalan raya, kemudahan pengangkutan awam, infrastruktur dan fasiliti terutama di dalam kawasan TOD dan perancangan.													
EN-2	PELABURAN													
EN-2.1	FOKUS DAN KEUTAMAAN PELABURAN ECER dan Kerajaan Negeri memberi fokus dan keutamaan pelaburan/ dana kepada kawasan industri dan nodus-nodus ekonomi di kawasan perancangan stesen-stesen ECRL menggunakan kaedah <i>Private Public Partnership</i> (PPP) (tanah kerajaan) dan <i>Private Finance Initiative</i> (PFI) (tanah swasta).	✓	✓											
EN-2.2	ECONOMIC ACCELERATOR PROJECT (EAP) MIDA mengambil kira projek-projek PeGTaECRL ini sebagai <i>Economic Accelerator Project</i> (EAP) dan dapat memberi fokus dan keutamaan bagi menarik pelaburan.	✓	✓											

Jadual 7.4: Senarai Pemboleh Daya Utama dan Perkaitan Dengan Strategi Perancangan (*sambungan*)

KATEGORI DAN PEMOLEH DAYA UTAMA		KOD STRATEGI TERLIBAT										
		S1-1	S1-2	S1-3	S1-4	S2-1	S2-2	S2-3	S2-4	S3-1	S3-2	S3-3
EN-3		TADBIR URUS										
EN-3.1		HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN NEGARA JIRAN Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama Indonesia-Malaysia-Thailand – Growth Triangle (IMT – GT) memudah cara dan menggalakkan penggunaan ECRL sebagai salah satu instrumen perdagangan secara terus (tidak hanya di pintu sempadan) antara negara Malaysia dan Thailand.										
EN-3.2		MEMUDAH CARA PERANCANGAN PEMBANGUNAN Memudah cara dan mempercepatkan proses permohonan pembangunan di kawasan PeGTaECRL terutama bagi projek berimpak tinggi, <i>quick win</i> dan projek-projek infrastruktur asas yang dapat menyokong pembangunan di sekitar Stesen ECRL.										
EN-3.3		PENAWARAN INSENTIF PEMBANGUNAN Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberikan insentif berbentuk peningkatan intensiti pembangunan kepada pemaju yang menyediakan kemudahan dan fasiliti di dalam kawasan TOD.										
EN-3.4		PENINGKATAN MODAL INSAN Mempertingkatkan modal insan pengusaha IKS tradisional ke tahap komersial yang lebih bernilai tambah tinggi melalui pengukuhan pengetahuan, kemahiran, khidmat nasihat, pemasaran, berbentuk kaedah dalam talian bagi meningkatkan pasaran (<i>presence</i>).										
EN-3.5		INISIATIF BERSEPADU DITERAJUI OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN Inisiatif bersepadu diterajui oleh PBT, dianggotai oleh Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. serta pihak berkepentingan bagi penyediaan kemudahan sokongan untuk memastikan ketersambungan (<i>connectivity</i>) di antara kawasan pembangunan dan stesen ECRL.										
EN-3.6		JALINAN KERJASAMA MEMPROMOSI PELANCONGAN Operator ECRL berperanan untuk menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pelancongan Negeri dan pihak swasta bagi memasarkan pakej-pakej pelancongan menggunakan ECRL dengan melibatkan komuniti tempatan (bekalan makanan, produk tempatan, penyedia fasiliti serta penginapan, dan sebagainya/ lain-lain)										
EN-3.7		APLIKASI BANDAR PINTAR DAN SMART MOBILITY Konsep Pembangunan Bandar Pintar dan komponen <i>Smart Mobility</i> perlu diterapkan di dalam projek yang dibangunkan berdasarkan cadangan PeGTaECRL										



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

PELAN INDUK BERSEPADU GUNA TANAH
LALUAN REL PANTAI TIMUR
(*EAST COAST RAIL LINK – ECRL*)
JILID I – LAPORAN UTAMA